

Utusan Malaysia
19 September 2014

Sun Life sasar premium RM24 juta



MUSTAFHA Abd Razak (kiri) bersama Muhammad Fikri Mohamad Rawi (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian bankatakaful strategik antara Bank Rakyat dan Sun Life Malaysia sambil diperhatikan Muhamad Syed Abdul Kadir (dua dari kanan) dan Abdul Rahman Kasim (kanan) di Kuala Lumpur, semalam.

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Sun Life Malaysia Takaful Bhd. (Sun Life Malaysia) menyasarkan premium RM24 juta melalui tawaran produk insurans baharunya, 'LiveSure Ladies' dan 'Sun Medisure-i' daripada Bank Rakyat dalam tempoh tiga tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia, Muhammad Fikri Mohamad Rawi berkata, bagi tahun 2014, pihaknya menyasarkan sebanyak RM150 juta bagi premium tahun pertamanya daripada semua produk di bawah Bank Rakyat.

Sehingga Ogos lalu ujarnya, Sun Life Malaysia telah menyumbangkan sebanyak RM28.4 juta kepada keseluruhan pendapatan berdasarkan fi Bank Rakyat.

Katanya, dengan pengenalan dua produk baharu melalui saluran pemasaran secara langsung dan tele-pemasaran (DMTM) ini, beliau yakin ia mampu memberikan situasi menang-menang kepada kedua belah pihak.

"Saluran baharu ini akan membolehkan produk Sun Life Takaful Malaysia diperkenalkan kepada lima juta pelanggan Bank Rakyat di seluruh Malaysia," katanya pada sidang akhbar selepas menandatangani dokumen perjanjian bankatakaful strategik antara Bank Rakyat dan Sun Life Malaysia di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan dan Presiden Bank Rakyat, Datuk Mustafha Abd Razak; Pengurus Sun Life Takaful, Datuk Dr. Muhamad Syed Abdul Kadir dan Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat, Abdul Rahman Kasim.

Sementara itu, Mustafha berkata, Bank Rakyat percaya terdapat potensi besar dalam pasaran takaful di Malaysia terutama dalam kalangan orang Melayu dan Islam serta kepada lima juta pelanggannya.

"Produk takaful dan pengurusan harta telah menyumbangkan hampir 59 peratus kepada pendapatan berdasarkan fi Bank Rakyat pada 2013.

"Justeru, perniagaan ini menawarkan peluang pertumbuhan yang baik dan bersama rakan niaga strategik serta rangkaian capaian dan pemasaran Bank Rakyat yang kukuh, kami yakin kerjasama yang diterokai ini akan membawa keuntungan kepada kedua-dua pihak," ujarnya.